



**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

KENYATAAN TAWARAN

**KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN NAIKTARAF SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI
LOBI LIF TINGKAT 25, KOMTAR, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

NO. SEBUT HARGA : PSUKPP/27/2026

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkeelayakan dan memenuhi syarat-syarat di bawah:
 - i) Berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di bawah kod bidang berikut yang masih sah tempoh lakunya:
 - **Gred G1;**
 - **Kategori B Pengkhususan B04 (Bangunan Am & Penyenggaraan);**
 - **Kategori B Pengkhususan B13 (Pemasangan Jubin & Kerja Lepaan);**
 - **Kategori B Pengkhususan B14 (Kerja-Kerja Cat); dan**
 - **Kategori CE Pengkhususan CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam).**
 - ii) Mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **CIDB** yang masih sah tempoh lakunya;
 - iii) Beralamat atau mempunyai cawangan yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang;
 - iv) Berdaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP); dan
 - v) Mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate – TCC*) yang masih sah dan berstatus “PATUH”.
2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat/lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh	:	26 Ogos 2026 (Rabu)
Masa	:	9.30 Pagi (Pendaftaran)
	:	10.00 Pagi (Taklimat/Lawatan Tapak)
Tempat	:	Auditorium F, Tingkat 5, Komtar
Kehadiran	:	Hanya penama di dalam Sijil PPK dan SPKK dari CIDB (Wakil tidak dibenarkan)

3. Tuan/Puan adalah diminta untuk membawa bersama dokumen-dokumen seperti senarai di bawah (dokumen asal dan satu (1) salinan fotostat) semasa sesi taklimat/lawatan tapak bagi tujuan semakan dan simpanan urus setia semasa sesi pendaftaran.
 - i) **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB);**
 - ii) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB);**
 - iii) **Cop Syarikat;** dan
 - iv) **Kad Pengenalan** penama yang hadir (Wakil tidak dibenarkan).
4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara online dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **26 Ogos 2026 (Rabu)**. Hanya syarikat-syarikat yang berdaftar dengan sysP serta menghadiri taklimat/lawatan tapak sahaja boleh membeli dokumen sebut harga.
5. Dokumen sebut harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan no. sebut harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai sebelum atau pada 01 September 2026 (Selasa) jam 12.00 tengah hari dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Seksyen Perolehan, Paras 30 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan tawaran sebut harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **sembilan puluh (90)** hari dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web **<http://ep.penang.gov.my>**.

Setiausaha Kerajaan, Negeri Pulau Pinang